



Bab

Pertama

BAB PERTAMA

PEMBUBARAN PERKAHWINAN MENURUT HUKUM SYARAK

1.1. Pendahuluan

Kemunculan Islam membawa pelbagai peraturan untuk keselamatan dan kesejahteraan umatnya termasuklah peraturan-peraturan mengenai pembubaran perkahwinan. Kedudukan peraturan-peraturan tersebut sebahagian daripadanya dijelaskan oleh Allah s.w.t. di dalam firman-Nya :

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ عَاهَدُوا إِذَا تَكَحَّثُمُ الْمُؤْمِنَاتُ ثُمَّ طَلَّقْتُمُوهُنَّ مِن قَبْلِ أَن
تَمْشُوْهُنَّ فَمَا لَكُمْ عَلَيْهِنَّ مِنْ عِدَّةٍ تَعْتَدُونَهَا فَمَتَّشُوْهُنَّ وَسَرَّحُوْهُنَّ

سَرَاحًا حَمِيلًا 

Surah al-Ahzab (33): 49.

Ertinya: Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu menyentuhnya, maka tiadalah kamu berhak terhadap mereka mengenai sebarang 'iddah yang kamu boleh hitungkan masanya. Oleh itu, berilah *mut'ah* (pemberian sagu hati) kepada mereka, dan lepaskanlah mereka dengan cara yang sebaik-baiknya.

Ayat tersebut telah menggariskan peruntukan perceraian (talak) yang diikuti oleh tempoh 'iddah, kemudian rujuk dan disusuli oleh hak-hak isteri semasa dan selepas perceraian seperti pemberian *mut'ah*.

yah.

1.2. Definisi Perceraian

Perceraian diambil daripada perkataan *al-furqah* (الفرقۃ) dan *jama'*nya *al-furaq* (الفرق) yang bererti perpisahan.¹ Kebanyakan sarjana fiqh seperti Imam al-Syāfi'i dan Imam Abū Ḥanīfah sering menggunakan perkataan talak sebagai salah satu daripada jenis perceraian.

Oleh yang demikian, perceraian dari segi bahasa ialah memutuskan atau merungkaikan ikatan nikah.² Memutuskan atau merungkaikan ikatan samada dalam perkara *ḥissī* iaitu dapat disaksikan oleh pancaindera atau perkara *ma'navī* iaitu sesuatu yang di luar jangkauan mata kasar manusia.³ Perkara *ma'navī* di dalam konteks perbincangan ini ialah pembubaran ikatan perkahwinan yang terjalin antara suami isteri.

Dari segi istilah, menurut mazhab Ḥanafī perceraian itu adalah memutuskan hubungan antara suami isteri samada berlaku pada masa itu juga atau pada masa akan datang dengan menggunakan lafadz yang tertentu.⁴ Maksud berlaku pada masa itu juga ialah talak *bāñ* dan maksud pada masa akan datang ialah talak *rajī* iaitu apabila selesainya hubungan ikatan perkahwinan selepas *'iddah*.⁵ Menurut mazhab Mālikī perceraian itu adalah sebagai melupuskan ikatan perkahwinan

¹ Abd al-Rahmān Tāj (1952), *al-Syarī'ah al-Islāmiyyah fi al-Āḥwāl al-Syakhṣiyah*, Mesir Matba'ah Dār al-Ta'lif, h. 246.

² Sa'di Abū Jayb (1998), *al-Qāmūs al-Fiqhī Lughah wa Iṣṭilāḥā*, c. 2. Dimasyq: Dār al-Fikr, h. 230.

³ Hassan Salleh (1989), *Asas Kekeluargaan Islam. Bahasan Empat Mazhab: Syāfi'i, Ḥanafī, Mālikī dan Ḥanbali*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 14. Lihat Dr. Muḥammad 'Uqlah (1990), *Niżām al-Uṣrah fi al-Islām*, j. 3, c. 2, 'Ammān: Maktabah al-Risālah al-Hadīthah, h. 15.

⁴ Al-Maydānī 'Alī al-Qadūrī (t.t.), *al-Luhāb Syarḥ al-Kitāb*, j. 3, Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, h. 37.

⁵ Dr. Muḥammad 'Uqlah (1990), op.cit., h. 16.

yang sah.⁶ Menurut mazhab Syāfi‘ī pula, perceraian adalah memutuskan ikatan perkahwinan dengan menggunakan lafaz talak dan seumpamanya.⁷ Mazhab Ḥanbalī mentakrifkannya sebagai memutuskan ikatan perkahwinan.⁸

Berdasarkan takrif yang dikemukakan oleh para sarjana fiqh, dapat disimpulkan bahawa pembubaran perkahwinan adalah pembubaran ikatan perkahwinan dengan mengucapkan lafaz-lafaz tertentu.

1.3. Istilah Perceraian Dalam Al-Quran

Konsep talak atau perceraian adalah didasarkan kepada dalil-dalil daripada al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan *Qiyās*. Beberapa istilah perceraian telah diungkapkan dalam al-Quran bagi menunjukkan pensyariatannya dalam Islam. Bahkan beberapa perkara pokok yang berkaitan dengan hukum pembubaran perkahwinan telah disentuh dalam surah al-Baqarah. Lafaz talak itu sendiri disebut beberapa kali antaranya, dalam firman Allah s.w.t. :

أَنْطَلِقُ مَرْتَانٌ فَإِمْسَاكٌ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَشْرِيعٌ بِالْخَيْرِ^{*}

Surah al-Baqarah (2): 229.

Ertinya: Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (rujuk dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara yang baik.

⁶Muhammad ibn ‘Abd al-Rahmān (t.t.), *Mawāhib al-Jalil bi Syarḥ Mukhtaṣar Khalil*, j. 4, Mesir: Dār al-Fikr, Matba’ah al-Sā’ādah, h. 18.

⁷Syams al-Dīn Muḥammad ibn Muḥammad al-Khaṭīb al-Syarbīnī (t.t.), *Mughnī al-Muḥīṭ iṭlā Ma’rifah Ma’ānī Alfāz al-Minhāj*, j. 4, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 455. Taqy al-Dīn Abū Bakr ibn Muḥammad al-Ḥusaynī (1991), *Kifāyah al-Akhār fī Ḥall Ghāyah al-Ikhtiyār*, Beirut: Dār al-Khayr, h. 388.

⁸Abū Muḥammad ‘Abd Allāh ibn Aḥmad ibn Muḥammad ibn Qudāmah (1994), *al-Mughnī wa al-Syarḥ al-Kāhir*, j. 8, Beirut: Dār al-Fikr, h. 234.

Ayat ini menjelaskan bahawa suami hanya boleh mentalakkan isterinya dua kali sahaja. Menjatuhkan talak pada kali yang ketiga akan menghalang mereka rujuk semula. Oleh sebab itu syarak membenarkan suami memilih samada untuk rujuk semula atau terus melepaskan isterinya secara baik. Firman Allah s.w.t :

فَإِنْ طُنِقْهَا فَلَا تَجِدُ لَهُ مِنْ بَعْدِ حُنُقٍ شَكِّحَ زَوْجًا غَيْرَهُ فَإِنْ طُنِقْهَا

فَلَا جَنَاحَ عَلَيْهِمْ أَنْ يَتَرَاجِعُوا إِنْ طُنِقَ أَنْ يُقْبِلَا حَذْوَةَ اللَّهِ وَتِلْكَ حَذْوَةُ

اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ يَقُولُونَ

Surah al-Baqarah (2): 230.

Ertinya: Sesudah (diceraikan dua kali) itu, jika diceraikan pula (bagi kali yang ketiga) maka perempuan itu tidak halal lagi baginya sesudah itu, sehingga ia berkahwin dengan suami yang lain. Setelah itu kalau ia diceraikan (oleh suami baharu itu dan habis 'iddahnya), maka mereka berdua (suami lama dan bekas isterinya) tidaklah berdosa untuk kembali jika mereka kuat menyangka akan dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah dan itulah aturan-aturan hukum Allah, diterangkannya kepada kaum yang (mahu) mengetahui dan memahaminya.

Ayat ini menjelaskan jika suami menjatuhkan talak ke atas isterinya untuk kali yang ketiga, ia merupakan talak yang terakhir yang dimilikinya. Maka dia tidak diharuskan merujuk bekas isterinya sekalipun dengan akad perkahwinan yang baru kecuali bekas isterinya itu berkahwin dengan lelaki yang lain dan telah berlaku persetubuhan antara mereka kemudian dia diceraikan dan tamat masa 'iddahnya. Pada saat itu barulah dia dapat merujuk bekas isterinya itu dengan akad dan mahar yang baru. Talak terakhir ini dikenali sebagai talak *bān baynūnah kubrā*.

Istilah talak yang membawa erti perceraian juga digunakan dalam firman Allah :

لَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِنْ طَلَقْتُمُ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ تَنْفِعُوهُنَّ أَوْ تَفْرِضُوا
لَهُنَّ فِرِيقَةٌ

Surah al-Baqarah (2): 236.

Ertinya: Tidaklah kamu bersalah (tidaklah kamu menanggung bayaran maskahwin) jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu sentuh (bercampur) dengan mereka atau (sebelum) kamu menetapkan maskahwin untuk mereka.

Berdasarkan ayat tersebut kaum lelaki boleh menceraikan isterinya tanpa perlu membayar maskahwin samada *al-mahr al-mithl*⁹ ataupun *al-mahr al-musammā*¹⁰ dengan syarat dia (suami) belum mencampuri isterinya dan maskahwin juga masih belum ditentukan bayarannya.¹¹

Pemakaian istilah talak ini juga telah disusun dalam bentuk surah yang khusus iaitu surah al-Talāq yang membicarakan mengenai hukum-hukum perceraian serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya semasa dan selepas perceraian tersebut. Surah ini juga sebagai kesinambungan dan melengkapkan hukum talak yang terdapat dalam surah al-Baqarah.

Antara ayat yang menjelaskan penggunaan istilah talak juga ialah firman Allah :

يَتَأْتِيهَا النِّسَاءُ إِذَا طَلَقْتُمُ الْإِنْسَانَ فَطَلَقُوهُنَّ لِعِدَّتِهِنَّ وَاحْصُوا الْعِدَّةَ

Surah al-Talāq (65): 1

⁹ *Al-Mahr al-Mithl* ialah maskahwin yang kadar jenis serta cara pembayarannya tidak ditetapkan di dalam masa akad tetapi ia dibayar berdasarkan kepada kadar maskahwin yang pernah diterima oleh keluarga si isteri

¹⁰ *Al-Mahr al-Musammā* ialah maskahwin yang disebut di dalam akad dan ditentukan kadarnya. Ia terbahagi kepada dua jenis. 1. *al-Mahr al-Musammā al-Mu'ajjal* iaitu yang dibayar secara segera oleh suami. 2. *al-Mahr al-Musammā al-Mu'ajjal* iaitu yang dibayar secara tangguh atau dengan cara hutang

¹¹ Lihat Dr. Wahbah al-Zuhaylī (1991), *al-Tafsīr al-Munīr fi al-'Aqīdah wa al-Syārī'ah wa al-Minhāj*, j. 2, Dimasyq: Dār al-Fikr, h. 384.

Ertinya: Wahai Nabi! Apabila kamu - (engkau dan umatmu) - hendak menceraikan isteri-isteri (kamu), maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan *iddahnya*, dan hitunglah masa *'iddah* itu (dengan betul).

Mafhum daripada ayat tersebut ialah seseorang suami hendaklah menceraikan isterinya ketika suci daripada haidnya yang pada masa itu tidak disetubuh iaitu masa yang dianggap tempoh *'iddahnya* bermula dan dikira. Selain daripada arahan hanya menjatuhkan talak pada masa suci yang tidak disetubuh begitu juga larangan menjatuhkan talak pada masa haid.¹² Tempoh *'iddah*¹³ perempuan itu perlu dihitung secara tepat iaitu selama tiga kali suci daripada haid, selama tiga bulan bagi perempuan yang putus haid dan perempuan yang belum pernah haid, manakala bagi perempuan hamil, tempoh *'iddahnya* ialah sehingga dia melahirkan anaknya.

Selain daripada itu, al-Quran juga menyebut istilah perceraian melalui firman Allah :

وَإِن يَنْقُرْ قَاتِلًا مِّنْ سَعْيِهِ وَكَانَ اللَّهُ وَسِعًا حَكِيمًا

Surah al-Nisā' (4): 130

Ertinya: Dan jika keduanya bercerai, maka Allah akan cukupkan (keperluan) masing-masing dari limpah kurnia-Nya. Dan (ingatlah) Allah Maha Luas limpah kurnia-Nya, lagi Maha Bijaksana.

Berdasarkan firman tersebut, perceraian dibolehkan dan merupakan alternatif terakhir bagi suami isteri iaitu setelah usaha-usaha perdamaian menemui jalan buntu.

¹²Ibid . j 28, h 266

¹³Al-Imām Abū al-Walīd Muḥammad ibn al-Qurṭubī (1996), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtayid*, j 4, Beirût Dār al- Kutub al-'Ilmiyyah, h 400

1.4. Istilah Perceraian Dalam al-Sunnah

Al-Sunnah juga tidak ketinggalan menyebut istilah perceraian atau talak di dalam beberapa penjelasan Rasulullah ᷲ.‘a.w. kepada para sahabat. Baginda telah bersabda di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abū Dāwūd dan Ibn Mājah :

عَنْ أَبِي عُمَرِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ لِيُغْضِبَ الْحَلَالَ إِلَى اللَّطْلَقِ

Ertinya: Daripada Ibn ‘Umar r.‘a. berkata: Sabda rasulullah ᷲ.‘a.w. : Perbuatan halal yang paling dibenci oleh Allah ialah talak.¹⁴

Berdasarkan kepada sabda rasulullah ᷲ.‘a.w. ini, Islam tidak sekali-kali menggalakkan perceraian. Sebaliknya Allah amat benci perbuatan tersebut jika dilakukan sewenang-wenangnya tanpa mengikut sebab-sebab yang ditetapkan. Namun peringatan Rasulullah ᷲ.‘a.w. ini telah dipandang ringan oleh umat Islam. Kesannya dapat dilihat dalam masyarakat hari ini iaitu kadar perceraian semakin meningkat akibat terlalu mudahnya suami-suami menceraikan isteri atau pun isteri-isteri itu sendiri tampil menuntut perceraian. Jika keadaan ini berlanjutan institusi kekeluargaan Islam menjadi kucar-kacir dan boleh menggagalkan wawasan pembangunan insan dan negara. Oleh sebab itu pesanan Rasulullah ᷲ.‘a.w. ini perlu diambil dan dipegang iaitu menghindarkan diri daripada melakukan sesuatu yang dibenci oleh Allah s.w.t. termasuklah perceraian.

Berikut ialah istilah talak yang diriwayatkan daripada ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb r.‘a. iaitu :

عَنْ أَبِي الْخَطَابِ : أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ طَلَقَ حَفْصَةَ ثُمَّ رَاجَعَهَا

¹⁴ Abū al-Tayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-‘Azīm Ābādī (1990), ‘Awn al-Ma’būd Syarḥ Sunan Abī Dāwūd, j. 6, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 161. Al-Syaikh Khafīl Ma’mūn Sviḥā (1996), Sunan ibn Mājah bi Syarḥ al-Imām Abī al-Ḥasan al-Sinīdī, j. 2, Beirut: Dār al-Ma’rifah, h. 500.

Ertinya: Daripada 'Umar ibn al-Khaṭṭāb: Bahwasanya rasulullah ﷺ a.w. menceraikan ḥafṣah kemudian baginda telah merujuknya.¹⁵

Begitu juga dengan hadis yang diterangkan oleh Nabi daripada 'Umar ibn al-Khaṭṭāb r.a. ternyata Rasulullah ﷺ a.w. telah menggunakan istilah talak itu sebanyak dua kali di dalam sabdanya :

مره فغير اجمعها ثم لم يمسكها حتى تظهر ثم تحيض ثم تظهر ثم ابن شاء أمسك بعد
و ابن شاء طلاق قبل أن يمس فتاك العدة التي أمر الله سبحانه أن يطلق لها النساء

Ertinya: Suruhlah dia rujuk isterinya kemudian hingga dia suci, kemudian dia berhaid, kemudian dia suci lagi, kemudian jika dia berkehendak terus, dia menahannya dan jika dia berkehendak boleh dia talakkan sebelum dia menyentuhnya. Itulah 'iddah yang Allah perintahkan dia mentalak wanita.¹⁶

Hadis di atas merupakan perintah Rasulullah ﷺ a.w. ke atas Ibn 'Umar r.a. supaya merujuk semula isterinya yang diceraikan semasa datang haid. Pengajaran daripada hadis ini iaitu lelaki dilarang menceraikan isterinya yang sedang haid. Sekiranya hendak diceraikan juga perlulah perempuan itu dalam keadaan suci yang belum disetubuhi.

1.5. Mengapa Islam Membolehkan Pembubaran Perkahwinan

Islam sebagai agama yang syumul dengan segala peraturan kehidupan menjadi panduan dan pedoman terhadap sebarang permasalahan. Secara prinsip, Islam melalui sumber wahyu al-Quran dan al-Sunnah telah memperuntukkan

¹⁵Syīḥah (1996), op cit., h. 499

¹⁶Mālik ibn Anas (1985), *al-Muwattā'*, j. 2, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 576. Al-Hāfiẓ Al-Jamad ibn 'Alī ibn Ḥajar al-'Asqalānī (1993), *Fatḥ al-Bārī bī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 10, Beirut: Dār al-Fikr, h. 435. Al-Syaikh Khalil Ma'mūn Syīḥah (1993), *Ṣaḥīḥ Muslim bī Syarḥ al-Imām Muḥyī al-Dīn al-Nawawī*, j. 10, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 302. Abū al-Ṭayyib Muhammād Syams al-Ḥaqq al-'Azīz Ābādī, op cit., hh. 161-162. Syīḥah, *Sunan ibn Mājah bī Syarḥ al-Imām Abī al-Ḥasan al-Sindī*, op cit., hh. 500-501. Al-Nasā'i (1930), *Sunan al-Nasā'i bī Syarḥ al-Ḥāfiẓ Jālāl al-Dīn al-Suyūfī*, j. 6, Beirut: T.P., hh. 137-140

hukum pembubaran perkahwinan di antara pasangan suami isteri. Sehubungan dengan ini seorang suami mempunyai hak terhadap talak manakala isteri mempunyai hak terhadap fasakh sekira ada permasalahan timbal dalam perkahwinan. Seorang isteri boleh mengemukakan fasakh sekira berlaku perkara-perkara yang boleh memudaratkan kehidupannya serta boleh memberi tekanan kepada jiwa dan mentalnya.

Islam membolehkan sesuatu perkahwinan itu dibubarkan adalah sebagai jalan keluar apabila suami melakukan *darar* dan *nusyūz*, begitu juga jika isteri melakukan *nusyūz*. Bagaimanapun Islam telah menjelaskan secara terperinci langkah-langkah yang patut diambil sekiranya seorang suami melakukan *darar* dan *nusyūz* serta seorang isteri itu nyata mengingkari suaminya.

Pembubaran perkahwinan dibolehkan oleh Islam adalah juga untuk mengelakkan berlaku persengketaan yang berlarutan akibat krisis yang telah sampai ke kemuncak. Tanpa keharusan pembubaran perkahwinan mungkin akan mengakibatkan penderitaan dan penganiayaan terutama terhadap isteri.¹⁷

1.6. Hukum Pembubaran Perkahwinan

Syarik telah menetapkan hukum-hukum tertentu dalam talak iaitu adakalanya menjadi wajib, sunat, harus, makruh dan haram.¹⁸ Huraianya seperti berikut:

¹⁷ Lihat Dr Wahbah al-Zuhaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 7, c. 3, Dimasyq Dār al-Fikr, hh. 358-360.

¹⁸ Lihat Dr 'Abd al-Karīm Zaydān (1994), *al-Mufaṣṣal fī Aḥkām al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim fi al-Syar'iyyah al-Islāmiyyah*, j. 2, c. 2, Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 350.

i) Wajib

Para sarjana fiqh menyebutkan bahawa hukum talak menjadi wajib sekiranya dipercayai suami isteri tersebut tidak boleh hidup bersama. Jika perkahwinan itu diteruskan boleh memudaratkan pasangan berkenaan malah melibatkan anak-anak serta ahli keluarga. Talak adalah wajib dalam keadaan berikut iaitu :

- a) Apabila suami bersumpah tidak akan menyetubuhi isterinya selama empat bulan atau lebih selepas tempoh menunggu apabila ia enggan menyetubuhi isterinya.¹⁹
- b) Jika suami percaya tidak dapat memberi nafkah kepada isterinya. Jika tidak diceraikan boleh memudaratkan isteri.²⁰
- c) Talak dari pihak dua orang *ḥakam* dalam kes *syiqāq* apabila kedua-dua mereka berpendapat bahawa suami isteri mesti bercerai.²¹
- d) Talak suami yang mati pucuk.²²

ii) Sunat

Maksudnya iaitu talak yang jauh daripada peringkat haram tetapi adalah berlawanan dengan talak yang makruh. Kedudukan hukum sunat ini tertakluk kepada kedudukan suami yang menceraikan dan kedudukan isteri yang diceraikan.

¹⁹Ibn Qudāmah (1994), op cit , h. 235

²⁰Ibid , h. 63.

²¹Ibid , h. 235.

²²Dr. Muḥammad 'Uqlah (1990), op cit , h. 17.

Bagi pihak isteri, dia suka mencaci dan mencerca suami, keluar tanpa izin suami dan keuzuran yang dibenarkan syarak. Begitu juga sekiranya isteri enggan untuk bersama dengan suami tanpa uzur *syar'i*. Bagaimanapun syarak terlebih dahulu menganjurkan suami menasihati isteri yang derhaka. Jika *nusyūr*-nya berterusan ia boleh diceraikan.²³

Bagi pihak suami pula, sunat menceraikan isteri sekiranya isterinya mengabaikan hak-hak Allah yang wajib ke atasnya seperti sembahyang lima waktu dan sebagainya dan boleh lagi memaksa isteri untuk menunaikannya.²⁴

iii) Harus

Para 'ulama' telah sepakat bahawa perceraian itu adalah cara membubarkan perkahwinan. Mereka menghukumnya sebagai harus tanpa bangkangan seorang pun daripada mereka. Ini adalah kerana syarak telah menetapkan seorang suami berhak menceraikan isterinya dalam situasi yang dibenarkan sahaja iaitu sekiranya didapati permusuhan suami isteri berlarutan menyebabkan mereka gagal menyempurnakan tanggungjawab terhadap Allah. Perceraian juga diharuskan setelah pelbagai usaha memperbaiki kepincangan rumahtangga itu menemui jalan buntu. Menurut Ibn Qudāmah adalah harus bercerai ketika berhajat kepadanya kerana buruknya akhlak isteri dan pergaulannya.²⁵

²³ al-Zuhaylī (1989), op.cit , h. 363

²⁴ Ibn Qudāmah (1994), op.cit.

²⁵ Ibid

suci daripada haid dan tidak berlaku persetubuhan sewaktu suci.³⁰ Anjuran ini adalah supaya perempuan tersebut dapat memulakan 'iddah ketika ia suci dan memastikan ia tidak hamil. Menurut Sayyid Sābiq, hikmah talak sunnī adalah kerana jika perempuan itu ditalak semasa suci yang disetubuhinya dan ia tidak mengetahui adakah ia hamil atau tidak, maka sukar untuk menentukan 'iddahnya samada dengan tiga kali suci atau dengan melahirkan bayinya.³¹ Ini dinyatakan oleh Allah dengan firman-Nya :

يَتَأْتِيهَا الْئِبْرِيزُ إِذَا طَلَقْتُمُ الْأَنْسَاءَ فَطَلَّقُوهُنَّ لِيُعَدْتَهُنَّ وَأَحْصُوا الْعِدَّةَ

Surah al-Talāq (65): 1.

Ertinya: Wahai Nabi! Apabila kamu - (engkau dan umatmu) - hendak menceraikan isteri-isteri (kamu), maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan 'iddahnya.

Jelas syarak menggesa umatnya iaitu para suami memastikan isteri yang ingin diceraikan itu akan dapat memulakan 'iddahnya dalam tempoh yang ditentukan.

Adapun talak *bid'ah* pula iaitu talak yang bercanggah dengan sunnah Rasulullah s.a.w.³² Sekiranya seorang suami menceraikan isterinya sewaktu dia sedang haid atau semasa suci daripada haid tetapi disetubuhinya maka talak seumpama ini juga adalah haram hukumnya.³³ Ini adalah kerana jika isteri itu ditalak di waktu haid akan menyebabkan tempoh 'iddah bertambah panjang kerana sepanjang haidnya 'iddah tidak dikira. Pemanjangan tempoh 'iddah ini

³⁰ Lihat ibn Qudāmah (1994), op cit., hh. 236-238

³¹ Al-Syaikh Sayyid Sābiq (1992), *Fiqh al-Sunnah*, j. 2, Beirut: Dār al-Fikr, h. 225.

³² Dr Muḥammad 'Uqlah (1990), op.cit., h. 161.

³³ Ibn Qudāmah (1994), op cit., h. 238.

akan menyusahkan perempuan kerana terpaksa menunggu lebih lama lagi.³⁴ Selain daripada itu, menurut Sayyid Sābiq adalah haram menceraikan isteri dengan talak tiga sekaligus atau melafazkan talak sebanyak tiga kali secara berasingan dalam majlis yang sama seperti suami menyatakan kepada isterinya: kamu ditalak, kamu ditalak, kamu ditalak.³⁵ Demikian juga pendapat Mālik, Abū Ḥanīfah dan Aḥmad dalam riwayatnya yang terdahulu.³⁶ Walau bagaimanapun pendapat Imam al-Syāfiī dan Aḥmad dalam riwayatnya terkemudian menyatakan harus menceraikan isteri dengan talak tiga sekaligus.³⁷

1.7. Pembagian Pembubaran Perkahwinan

Pembubaran perkahwinan secara umumnya dibahagikan kepada dua bahagian:

Pertama: Talak (konsepnya telah disebut sebelum ini).

Kedua: Fasakh (konsepnya akan disebut selepas ini).

1.7.1. Konsep Fasakh

Ibn Manzūr dalam *Lisān al-'Arab* menyatakan bahawa fasakh bererti batal (*naqaḍa*) atau bubar (*farrqa*).³⁸ Apabila perkataan fasakh disandarkan kepada

³⁴ Lihat Dr Muḥammad 'Uqlah (1990), op.cit., h. 161

³⁵ Al-Syaikh Sayyid Sābiq (1992), op.cit., j. 2, h. 226

³⁶ Zaydan (1994), op.cit., j. 8, h.63

³⁷ Lihat Ibid

³⁸ Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad ibn Mukram ibn Manzūr (t.t.), *Lisān al-'Arab*, j. 3, Beirut: Dār al-Fikr, h. 45.

Walaupun suami juga boleh menuntut fasakh namun suami mempunyai hak ekslusifnya iaitu talak. Fasakh yang dituntut oleh isteri ini adalah tertakluk kepada beberapa sebab yang telah ditetapkan oleh para fuqaha⁴⁹.

1.7.2. Perbezaan Antara Talak Dan Fasakh

Terdapat perbezaan yang agak ketara di antara dua istilah ini. Talak adalah milik suami semata-mata dan terpulanglah kepadanya untuk melafazkannya. Tetapi bagi fasakh ia adalah kuasa hakim untuk menentukan jatuh fasakh atau tidak, itu pun sekiranya isteri atau suami membuat aduan ke pihak hakim. Terpulanglah kepada hakim untuk mensabitkan fasakh atau tidak.

i) Perbezaan Makna

Talak dari segi bahasa bermaksud putus hubungan dan meninggalkan.⁵⁰ Talak menurut Kamus Dewan ialah pelepasan ikatan nikah dengan ucapan talak, cerai dan sebagainya oleh suami.⁵¹ Ini bermakna talak ialah tiada ikatan, tiada hubungan, ditinggalkan dan dipisahkan.

Manakala fasakh bermaksud memutuskan atau membatalkan seperti membatalkan jual beli atau membuang sesuatu.⁵² Mengikut Kamus Dewan, fasakh bermaksud pembatalan nikah apabila puncanya disedari akibat tidak sahihnya

⁴⁹ Sa'di Abū Jayb (1998), op cit

⁵⁰ Dr Teuku Iskandar (1993), *Kamus Dewan*, c. 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 1352

⁵¹ Dr Ibrāhīm Anīs et al (1972), *al-Mu'jam al-Wasīt*, j. 2, c. 2, al-Qāhirah: T P., h. 688 Dr Ibrāhīm Madkūr (1990), *al-Mu'jam al-Wajz*, al-Qāhirah: Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, h. 471 Ahmad al-'Āyid et al. (1998), *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asāsi*, Tunis: al-Munazzamah al-'Arabiyyah li al-Tarbiyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, h. 933.

nikah dan pembatalan nikah menurut keputusan kadi kerana sebab tertentu seperti suami gila, lemah tenaga batin dan sebagainya atas aduan isteri.⁵²

ii) Perbezaan Istilah

Talak dari sudut istilah ialah suami memutuskan ikatan perkahwinan dengan lafaz-lafaz yang tertentu⁵³ iaitu talak (percerayaan), *furaq* (perpisahan) dan *sārah* (pelepasan) seperti seorang suami berkata kepada isterinya: Engkau telah kutalakkan atau engkau seorang perempuan yang sudah ditalak dan sebagainya.⁵⁴

Manakala fasakh dari sudut istilah ialah satu cara bagi kedua-dua pasangan suami isteri untuk melepaskan diri masing-masing dari ikatan rumah tangga yang tidak baik dan harmoni akibat timbul beberapa sebab tertentu atau berlaku kecacatan.⁵⁵ Pembubaran perkahwinan ini diputuskan oleh pihak hakim berdasar penelitian terhadap sebab pembubaran tersebut.

iii) Perbezaan Kesan Terhadap Bilangan Talak⁵⁶

Talak: Setiap talak yang dilafazkan ia akan mengurang jumlah talak di tangan suami. Jika suami mentalak isteri dengan talak satu dan kemudian rujuk kembali bermakna ia cuma tinggal dua talak sahaja.

⁵² Dr. Teuku Iskandar (1993), op.cit., h. 349

⁵³ Dr. Ibrāhīm Anīs et al (1972), op.cit., j. 1, h. 563.

⁵⁴ Prof. Madya Dr. Mat Saad 'Abd. Rahman (1993), op.cit., h. 129

⁵⁵ Ibid., h. 189.

⁵⁶ Dr. Harun Din (1983), *Faskh al-Nikāḥ wa al-Qaḍāyā al-Muta'alliqah bih*, Kuala Lumpur: Percetakan Watan, h. 18

Fasakh: Setiap fasakh yang berlaku tidak mengurangkan apa-apa bilangan talak walaupun mereka kembali kepada ikatan perkahwinan. Suami tetap memiliki jumlah talak yang asal.

iv) Perbezaan Kewajipan Mahar⁵⁷

Talak: Apabila berlaku perceraian sebelum persetubuhan wajib ke atas suami membayar setengah mahar kepada isterinya.

Fasakh: Apabila berlaku fasakh sebelum berlaku persetubuhan tidak wajib bagi suami membayar sesuatu daripada mahar.

v) Perbezaan Tempat Berlaku⁵⁸

Talak hanya berlaku pada perkahwinan yang sah sahaja. Manakala fasakh pula berlaku dalam perkahwinan yang sah dan kadang-kadang pada perkahwinan *fâsid* (rosak) seperti perkahwinan dengan saudara sesusuan dan sebagainya.

vi) Perbezaan Dari Sudut Berakhirnya Ikatan Suami Isteri⁵⁹

Apabila berlaku talak *bâin* (talak tiga) ia akan mengakhirkan perkahwinan tanpa boleh dirujuk. Tetapi talak satu atau dua boleh dirujuk sebelum tamat tempoh *'iddah*.

⁵⁷Ibid

⁵⁸Ibid., h 17.

⁵⁹Ibid.

Manakala fasakh akan mengakhirkan ikatan perkahwinan sebaik sahaja ia diputuskan oleh hakim tanpa boleh dirujuk semula tetapi tiada halangan untuk berkahwin dengan akad yang baru dan mahar yang baru.

vii) Perbezaan Dari Sudut Berlakunya Talak Semasa ‘Iddah⁶⁰

Sekiranya suami menjatuhkan talak semasa ‘iddah raj’iyah dengan talak yang lain maka akan jatuh talak dan berkuranganlah jumlah talak di tangan suami.

Manakala fasakh ialah membatalkan ikatan perkahwinan selepas disabitkan dan tiada lagi ikatan. Jika suami menjatuhkan talak semasa ‘iddah fasakh ia tidak memberi kesan apa-apa terhadap bekas isteri atau pun kepada suami sendiri.

1.8. Kesimpulan

Pembubaran perkahwinan adalah salah satu bentuk peraturan yang ada di dalam agama Islam. Ini adalah kerana untuk memelihara hak-hak suami dan isteri dalam berumahtangga. Sekalipun tiada siapa yang mahu kepada perpisahan setelah melangsungkan perkahwinan tetapi inilah hakikat yang mesti diterima. Maka dengan sebab itu Islam tidak mengabaikan peraturan pembubaran perkahwinan demi menjaga hak-hak suami isteri termasuk kedua-dua belah pihak keluarga.

⁶⁰Ibid.